

# AL-HIKMAH

**Jilid 15 ISSN 1985-6822 2023**  
**No. 2 ISSN 1445**

- PERSEPSI DAN SIKAP MUALAF TERHADAP IMPAK PANDEMIK COVID-19 DI TERENGGANU ... 1-21  
*Azarudin Awang, Norhana Abdullah @ Ng Siew Boey & Che Norzila Sulong*
  - PENGURUSAN PRASARANA DAKWAH MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN ... 22-40  
*Azizul Azra Abdul Razak, Mohd. Hisyam Abdul Rahim & Hafizah Abdul Jalil*
  - METODE LĀ QUDĀH SEBAGAI PELENGKAP TASAWWUR DAKWAH AYAT 125 SURAH AL-NAHL: ANALISIS AL-MAWDU'I ... 41-55  
*Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi, Mohd Shukri Hanapi & Wan Nasyrudin Wan Abdullah*
  - TAHAP PENGUASAAN ASAS FARDU AIN DALAM MASYARAKAT ORANG ASLI DI NEGERI PAHANG ... 56-71  
*Halim Ismail, Nazatul Akmar Mokhtar, Ramlan Mustapha, Fahmi Abdul Razak, Auni 'Atikah Tazudin, Asmadi Abdul Rahman & Sh. Mohd Firdaus Sh. Othman*
  - KAJIAN SEJARAH DAN ANALISIS TEKSTUAL TERHADAP TRANSFORMASI AWAL PEMIKIRAN DALAM AGAMA KRISTIAN ... 72-94  
*Zaifuddin Md Rasip*
  - WAJAH FILEM ISLAMIK REPRESENTASI BUSANA DAN SOLEKAN: ANALISIS KANDUNGAN FILEM IMAM ... 95-106  
*Wawarah Saidpuddin & Md Rozalafri Johari*
  - PENINGKATAN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT MELALUI PENGURUSAN EKONOMI ISLAM YANG ADIL ... 107-118  
*Amie Amelia*
  - HAD TA'LIF DAN SOKONGAN SOSIAL DALAM MENSEJAHTERAKAN MUALAF... 119-135  
*Abdul Ghafar Don, Anuar Puteh, Ahmad Irdha Mokhtar, Hasanah Abd Khafidz, Khazri Osman, Zulkifli Aini, Nur Nazira Rahim, Mohd Farid Zainal, Salehuddin Abu Samah*

## Persepsi dan Sikap Mualaf Terhadap Impak Pandemik COVID-19 di Terengganu

**The Perception and Attitude of Mualaf Towards The Impact of The Covid-19 Pandemic in Terengganu**

AZARUDIN AWANG, NORHANA ABDULLAH @ NG SIEW BOEY & CHE NORZILA BINTI SULONG

### ABSTRAK

Komuniti mualaf di Terengganu adalah meliputi pelbagai bangsa, peringkat usia dan pendidikan, latar belakang pendidikan dan pekerjaan yang berbeza. Langkah kawalan pergerakan yang diperkenalkan oleh kerajaan ketika negara dilanda pandemik COVID-19 memberi pelbagai impak ke atas komuniti mualaf. Penutupan dan keterbatasan operasi terhadap pelbagai sektor ekonomi menyebabkan ramai dalam kalangan warga mualaf di negeri ini telah terjejas sumber pendapatan mereka. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti persepsi dan sikap mualaf terhadap impak pandemik COVID-19 di Terengganu. Selain itu, menganalisis hubungan demografi mualaf terhadap persepsi dan sikap mereka ketika berhadapan dengan pandemik COVID-19. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan bilangan sampel adalah seramai 133 orang mualaf di Terengganu dan menggunakan borang soal selidik berskala Likert 5 yang diedarkan melalui Google Form. Selanjutnya borang soal selidik dianalisis menggunakan peratus, min dan sisihan piawai, ujian-t dan ujian ANOVA sehala bagi melihat persepsi dan sikap mualaf ketika berhadapan pandemik COVID-19. Hasil kajian menunjukkan bahawa persepsi mualaf terhadap pandemik COVID-19 memberi tekanan hidup yang tinggi kepada mereka. Sebahagian mualaf mengambil langkah seperti melakukan kerja tambahan, meminta bantuan tambahan malah ada juga yang meluahkan tekanan perasaannya kepada rakan taulan atau pihak yang berkaitan agar segala permasalahan yang melanda dapat diselesaikan. Kajian ini adalah penting kerana ia menjelaskan gambaran sebenar tentang kemelut yang berlaku bagi komuniti mualaf di negeri Terengganu ketika meletusnya pandemik COVID-19. Seterusnya ia menjadi rujukan kepada pihak yang berkaitan untuk mengambil langkah yang sewajarnya.

**Kata kunci:** *Mualaf, demografi, persepsi, sikap, pandemik COVID-19*

### ABSTRACT

*The mualaf community in Terengganu includes various races, ages, education levels, educational backgrounds, and occupations. Movement control measures*

*introduced by the government when the COVID-19 pandemic hit the country had multiple impacts on the convert community. The closure and limited operations of various economic sectors have caused many mualaf in the state to have their sources of income affected. This study aims to identify mualaf perceptions and attitudes towards the impact of the COVID-19 pandemic in Terengganu. In addition, this study also analyses the demographic relationship of mualafs to their perceptions and attitudes when dealing with the COVID-19 pandemic. This study uses a quantitative method with a sample number of 133 mualafs in Terengganu and use a 5 Likert scale questionnaire distributed through Google Form. Further, the questionnaire was analyzed using percentage, mean and standard deviation, t-test and one-way ANOVA test to see the perception and attitude of mualafs when faced with the COVID-19 pandemic. The study results show that the mualafs' perception of the COVID-19 pandemic puts much pressure on them. Some mualafs take steps such as doing extra work and asking for additional help. Some even express their feelings of pressure to their colleagues or related parties so that associated parties can resolve all the problems that have plagued them. This study is important because it accurately explains the turmoil that happened to the convert community in the state of Terengganu during the outbreak of the COVID-19 pandemic. Then, it refers to the relevant parties to take appropriate measures.*

**Keywords:** Mualaf, demographic, perception, attitudes, COVID-19 Pandemic

Received : 17 June 2022

Revised : 23 August 2023

Accepted : 12 September 2023

Published : 31 December 2023

## PENDAHULUAN

Virus COVID-19 yang juga dikenali sebagai Coronavirus merupakan virus yang mula bertapak di Wuhan, China. Pesakit COVID-19 memerlukan rawatan khusus memandangkan penyakit ini mudah merebak di mana pesakit mengalami simpton kesukaran bernafas dan kadang kala memerlukan alat bantuan pernafasan. Wabak COVID-19 yang tersebar dengan pantas telah merubah norma baharu kehidupan manusia di seluruh dunia (Mohd Saipuddin et al. 2021). Data terkini menunjukkan bahawa lebih daripada 195 juta orang di seluruh dunia telah dijangkiti virus tersebut dan daripada jumlah itu lebih daripada 4 juta orang berakhir dengan kematian. Di Malaysia sahaja menunjukkan daripada jumlah lebih kurang 1 juta yang dijangkiti virus COVID-19, seramai lebih 8000 telah meninggal dunia sehingga 3 Ogos 2021 (Worldometer 2021).

Pandemik COVID-19 bukan sahaja membawaikan isu kesihatan bahkan meledakkan krisis sosial dan ekonomi di seluruh dunia. Langkah-langkah yang dilakukan oleh kerajaan untuk mengekang pandemik ini dengan memperkenalkan Fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Fasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Fasa Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD)-Kawasan Merah) dan Fasa Perintah

Kawalan Pemulihan secara tidak langsung memberi implikasi yang cukup besar kepada sektor ekonomi dan sosial manusia (Mohd Isa & Sri Rahayu 2021).

Mohd Asyraf dan Mohd Aiman (2021), menjelaskan bahawa pandemik COVID-19 di Malaysia menimbulkan implikasi yang besar terhadap kadar pekerjaan dan pengangguran, hasil pendapatan, penghasilan b hasil yang diperolehi daripada jualan runcit. Malah perihal ini boleh diperhatikan melalui penurunan prestasi ekonomi secara besar-besaran yang melibatkan sektor-sektor utama. Syarikat mengalami kegagalan atau berhadapan dengan penutupan premis perniagaan secara besar-besaran, pengurungan pertumbuhan ekonomi dan peningkatan kadar pengangguran. Bukan setakat itu sahaja kerana wabak pandemik COVID-19 yang berpanjangan telah menimbulkan krisis kesihatan jiwa apabila seseorang itu gagal melalui norma kehidupan yang barunya. Krisis kesihatan jiwa ini banyak berkait dengan sosial dan budaya, keperluan kepada pekerjaan dan kesihatan fizikal (Mukniah 2020).

Antara golongan yang terkesan ketika berhadapan dengan pandemik COVID-19 ini ialah mereka yang baru memeluk agama Islam. Kelompok yang dikenali sebagai mualaf ini turut berhadapan dengan pelbagai kesukaran hidup ketika pandemik COVID-19 melanda termasuk dalam aspek ekonomi, keilmuan dan emosi diri. Mengambil kira jumlah mualaf sentiasa bertambah pada setiap tahun, dengan demikian isu yang melatar kehidupan mualaf perlu diambil berat bukan sahaja dari aspek pendidikan malahan kebijakan khususnya di mana negara berada dalam tempoh kawalan pergerakan yang cukup lama. Apatah lagi kebanyakan mualaf yang memeluk agama Islam ini sebenarnya berada dalam kelompok yang mempunyai pendapatan rendah (B40) sama ada warganegara maupun warga asing (Suraya et al, 2021). Berkait dengan ini, Zainora et al. (2021) menyatakan bahawa faktor pendapatan seisi rumah yang berada dalam golongan B40 adalah yang menyumbang kepada permasalahan stress.

Dalam suasana COVID-19, mualaf dijangkakan berhadapan dengan pelbagai kekangan dan tekanan hidup yang berganda tidak sepertimana komuniti lain. Mualaf telah dan sedang melalui masalah yang lazim seperti dipinggirkan keluarga asal, masalah kewangan, bahasa, keilmuan dan sebagainya. Pandemik COVID-19 telah menyebabkan mualaf mengalami kesukaran hidup yang berganda apatah lagi majoriti daripada mereka adalah dalam golongan B40, maka pentingnya hasil kajian ini bagi meninjau persepsi dan sikap sebenarnya komuniti ini apabila mereka berada dalam situasi COVID-19. Maka kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti persepsi dan sikap mualaf terhadap impak pandemik COVID-19. Serta menganalisis hubungan demografi mualaf terhadap persepsi dan sikap mereka ketika berhadapan dengan pandemik COVID-19. Mualaf di Terengganu menjadi fokus kajian ini dengan justifikasi bahawa kebanyakan mualaf di negeri tersebut berada dalam golongan B40.

## KAJIAN LITERATUR

Abdul Rashid et al. (2020) menjelaskan bahawa wabak COVID-19 dilihat sebagai suatu mimpi ngeri yang merubah pola norma kehidupan manusia daripada perkara kecil hingga besar perkara besar. Ini termasuklah cara kebanyakan individu bekerja, kehidupan bersosial, pengajaran dan pembelajaran, penjagaan kesihatan, gaya membeli-belah, bersukan dan sebagainya. Langkah kerajaan memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi menekang penularan wabak COVID-19 telah menyebabkan ramai individu yang kehilangan pekerjaan, pergerakan terbatas dan simptom *cabin fever* atau ‘demam terperuk’ menimbulkan gejala kemurungan. Berkait dengan fenomena ini, Mohamed Nazreen et al. (2020) menjelaskan terdapat enam isu yang membentengi golongan B40 ketika PKP dijalankan iaitu tekanan hidup, ketidakstabilan emosi, keganasan tingkah laku, ancaman kesihatan, masalah sosial dan pengingkaran norma. Selanjutnya, Norwadatun dan Siti Mardhiyah (2020) membahaskan kesan COVID-19 ke atas ekonomi, institusi keluarga, dan pendidikan.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang begitu lama menyebabkan banyak syarikat swasta terpaksa ditutup. Apabila berlakunya pemberhentian pekerja sudah tentu sumber pendapatan keluarga turut terjejas. Kehilangan sumber pencarian menimbulkan kesan yang berangkaian dan sememangnya ia memberi kesan emosi kepada ahli keluarga yang lain terutamanya kepada suri rumah yang tidak bekerja.

Terdapat juga kajian yang melihat implikasi pandemik secara khusus ke atas sektor pendidikan. Kajian yang dilakukan oleh Maimun Aqsha et al. (2021) misalnya melihat penggunaan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PnP) secara atas talian merupakan cabaran baru kepada pendidik dan murid. Antara isu yang menggusarkan pendidik dan ibu bapa apabila proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dilakukan ialah masalah Internet, gangguan kerja lain dan tiada gajet (Hamidon 2021). Berhubung dengan komuniti mualaf, Suraya et al (2021) menjelaskan bahawa golongan ini menerima impak yang pelbagai ketika pandemik COVID-19 melanda negara. Beliau mencadangkan agar bantuan daripada semua pihak amat diperlukan kerana ia merupakan keperluan mendesak dalam meningkatkan kesejahteraan dan kehidupan sosial mereka khususnya kelompok yang terputus bantuan.

Demografi merupakan satu bentuk ilmu yang mempelajari tentang dinamika yang menyentuh kependudukan. Demografi meliputi aspek ukuran, taburan penduduk dan struktur, serta bagaimana jumlah penduduk tersebut berlaku perubahan (Fransiskus & Yusof 2022). Istilah mualaf merujuk kepada kelompok yang baharu memeluk agama Islam (Azman et al., 2020). Biar pun pelbagai istilah digunakan bagi merujuk kelompok yang

baharu di Malaysia misalnya ‘saudara baru’ atau ‘saudara kita’, al-Quran menjelaskan bahawa kelompok ini merupakan golongan yang perlu diberi perhatian khususnya melalui bantuan zakat. Justeru itu, mualaf merupakan satu struktur penduduk yang membentuk satu komuniti penduduk perlu diberi perhatian.

Badan kerajaan negeri seperti Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) Terengganu dan Non Government Organization (NGO) seperti Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA), Persatuan Darul Fitrah dan Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) mempunyai peranan tersendiri dalam mengurus tadbir perihal mualaf di Terengganu. Siti Adibah dan Siti Zubaidah (2018) menyatakan bahawa walaupun badan NGO memiliki sumber tenaga yang ramai bagi menguruskan perihal yang menyentuh pendidikan dan kebajikan mualaf, namun mereka tetap memerlukan pemantauan dan bantuan berterusan dari Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) khususnya dari aspek sumber dana bagi memudahkan pelaksanaan aktiviti. Berdasarkan statistik pemeluk agama Islam 2012-2018 di negeri Terengganu, seramai 585 orang telah mendaftar pemeluk agama Islam di negeri Terengganu. Jumlah terbesar merupakan bukan warga negara yang kebanyakannya adalah pelancong yang datang ke negeri ini. Manakala komuniti Cina merupakan warga negara yang terbesar memeluk agama Islam di negeri ini diikuti oleh etnik India, komuniti Sarawak, orang asli dan Sabahan. Perihal ini dijelaskan sebagaimana Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Pemeluk agama Islam di Terengganu 2012-2018

TAHUN	2012		2013		2014		2015		2016		2017		2018		Jumlah
Jantina/Bangsa	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	
Cina	16	8	19	8	17	9	11	9	12	10	12	9	14	5	<b>159</b>
India	2	2	11	4	10	3	4	3	7	1	7	2	7	2	<b>65</b>
Sarawak	7	3	8	8	3	9	3	2	2	2	3	6	1	2	<b>59</b>

## 6 | Hubungan Faktor Demografi dengan Persepsi dan Sikap Mualaf

Sabah	2	1	3	-	3	3	-	-	1	2	1	1	-	-	<b>17</b>
Asli	4	3	1	3	2	2	2	-	4	1	2	8	-	1	<b>33</b>
Bukan Warga	23	18	30	33	10	15	18	27	15	14	11	12	14	12	<b>252</b>
<b>Jumlah</b>	<b>54</b>	<b>35</b>	<b>72</b>	<b>56</b>	<b>45</b>	<b>41</b>	<b>38</b>	<b>41</b>	<b>41</b>	<b>30</b>	<b>36</b>	<b>38</b>	<b>36</b>	<b>22</b>	<b>585</b>

Sumber: Pejabat Agama Negeri Terengganu (2021)

Dalam tempoh awal Islam, mualaf berhadapan masalah mencari atau mendapatkan kebenaran dalam mengamalkan ajaran Islam. Selain itu, mualaf juga akan berhadapan tekanan apabila pengIslamannya mendapat tentangan keluarga terdekat, ditekan dan dalam masa yang sama menyesuaikan kehidupannya dalam suasana baru. Cabaran yang dihadapi oleh mualaf menyebabkan mereka akan mengalami tekanan, kemurungan, kerisauan dan kegelisahan yang tinggi, stres dan lebih dari itu ialah hilang akal dan sebagainya. Mualaf amat memerlukan seseorang yang dapat benar-benar membantunya. Samsiah Jayos dan Kamarul Azmi Jasmi (2013) menyatakan, mualaf perlu bimbingan sama ada secara individu atau berkelompok dengan kaedah-kaedah yang tersendiri dan efektif. Dengan demikian, antara kemahiran kaunseling dan metodologi dakwah yang diperlukan ialah pengetahuan agama, silang budaya dan etika. Kaunselor perlu berperanan sebagai penyampai maklumat yang tepat, perlu mahir dalam undang-undang berkenaan pengislaman dan memahami undang-undang mahkamah syariah dan sivil serta kehakiman yang ada hubung kait dengan isu-isu klien mualaf. Tujuannya adalah untuk membantu dan mengarahkan mereka ke arah yang lebih baik.

Bantuan zakat yang diberikan kepada mualaf bertujuan mengerakkan semula keupayaan ekonomi mereka sekaligus memastikan kebijakan asnaf mualaf terus terpelihara. Azman et al. (2015) menyenaraikan sebanyak 34 jenis bantuan dari peruntukan zakat digunakan bagi membangunkan modal insan asraf mualaf di negeri-negeri di Malaysia. Ternyata pembangunan modal insan yang menjadi tumpuan utama ialah meliputi aspek bantuan kewangan, pendidikan, sara hidup dan perubatan. Malahan peranan ini juga turut dilakukan oleh NGO-NGO Mualaf bagi membantu mempertingkatkan kehidupan baru mereka dalam pelbagai aspek (Aimi Wafa & Nur Najwa, 2021). Rahisam Ramli (2013) menyatakan bahawa antara matlamat pengagihan bantuan zakat ialah melaksanakan hak dan tanggungjawab kepada asraf ini berdasarkan ketetapan syarak, meningkatkan taraf hidup mereka dalam semua bidang kehidupan termasuk aspek-aspek yang menyentuh pembangunan rohani, akal dan jasmani. Menurut Mohd Syafiq (2017), mualaf yang tidak mempunyai pekerjaan diberi bantuan awal melalui agihan zakat dengan membangunkan keadaan ekonomi mereka. Kesan jangka masa panjang lebih bermakna berbanding zakat dalam bentuk sara diri (Rahisam Ramli 2013). Tuntasnya, bantuan

kepada mualaf yang memeluk agama Islam yang diberikan melalui agihan zakat bolehlah dianggap sebagai insentif dan sokongan untuk mereka yang sanggup berkorban dengan meninggalkan kesenangan, kemewahan hidup dan dalam masa yang sama menerima tekanan yang hebat daripada keluarga mereka demi berhijrah menyahut ajaran tauhid dengan beriman kepada Allah yang Maha Esa.

## METODOLODI KAJIAN

Kajian ini dikategorikan sebagai kajian kes. Menurut Abdul Majid Konting (2009), “kajian kes ialah penyelidikan yang dijalankan secara intensif oleh penyelidik ke atas unit kecil sosial seperti individu, satu keluarga, satu kampung, satu kelab, satu sekolah atau satu masyarakat”. Reka bentuk kajian dibangunkan bagi meninjau persepsi mualaf terhadap impak COVID-19 terhadap kehidupan semasa mereka.

### Sampel dan Persampelan

Mengambil kira mualaf yang telah berpindah ke serata tempat di Terengganu dan faktor kematian, ini tidak memungkinkan penyelidik mengambil sepenuhnya sampel populasi. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan (purposive sampling) iaitu merujuk kepada satu kumpulan yang mempunyai ciri-ciri sampel yang dikehendaki oleh penyelidik (Mokhtar 2011). Fokus kajian ialah mualaf yang mendaftar diri dengan Persatuan Darul Fitrah Terengganu (Persatuan Saudara Baru). Persatuan Darul Fitrah merupakan badan NGO yang ditubuhkan untuk membantu komuniti mualaf di Terengganu khususnya dari aspek kebajikan, keilmuan dan aspek pembangunan hubungan sosial. Populasi sebenar mualaf seramai 200 orang yang menjadi ahli Persatuan Darul Fitrah Terengganu (Persatuan Saudara Baru). Berdasarkan jadual Krecie dan Morgan (1970), sekiranya populasi 200 orang, saiz sampel mencukupi dengan jumlah 132 orang sahaja. Justeru berdasarkan jumlah populasi seramai 200 orang dengan jumlah sampel yang diperolehi seramai 132 orang, bermakna jumlah yang diperolehi melepas saiz sampel yang diperlukan.

### Kaedah Pengumpulan dan Analisis Data

Kajian ini menggunakan teknik pengumpulan data melalui edaran borang soal selidik yang telah dilakukan semakan pakar. Pengkaji mengedarkan borang soal selidik kepada responden bagi memperolehi maklumbalas. Soal selidik dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu bahagian A: Maklumat

Demografi Responden, bahagian B: Persepsi Mualaf Terhadap Isu COVID-19 dan C: Sikap Mualaf ketika berhadapan dengan COVID-19. Ujian kebolehpercayaan juga dilakukan ke atas item-item berkaitan persepsi dan sikap mualaf terhadap COVID-19. Hasil dapatkan keputusan Cronbach's Alpha berada pada tahap yang tinggi dengan nilai 0.816 (ujian ke atas persepsi) dan 0.721 (ujian ke atas sikap). Ini bertepatan dengan indek Rowntree yang menyebut tahap Cronbach's Alpha = 0.71 - 0.90 merupakan tahap kebolehpercayaan yang kuat dan merupakan tahap kebolehpercayaan yang tinggi (Ahmad Sunawari 2009).

Secara keseluruhannya data-data yang diperolehi telah dianalisis secara deskriptif menggunakan SPSS 26. Analisis min dan sisihan piawai (SP) dilakukan ke atas soal selidik dengan skala likert lima iaitu (1) sangat tidak bersetuju, (2) tidak bersetuju, (3) Tidak Pasti, (4) Setuju dan (5) Sangat Setuju. Tiga tahap berikut menjadi indikator taksiran iaitu rendah (1.00 - 2.49), sederhana (2.50 - 3.49) dan tinggi (3.50 - 5.00) (Yasmoon & Razaleigh 2019).

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil dapatan menjelaskan demografi responden, persepsi dan sikap mualaf di negeri Terengganu ketika berhadapan pandemik COVID-19.

### Latar Belakang Demografi Responden

Responden terdiri daripada 49 orang lelaki (36.8%) dan wanita seramai 84 orang (63.2%). Kebanyakan daripada responden tinggal di daerah Kuala Terengganu iaitu 42.1%, tinggal di Marang berjumlah 17.3%, Kuala Nerus 13.5%, Kemaman 11.3%, Besut 9%, Setiu, 4.5%, Hulu Terengganu 1.5 dan Dungun 0.8%. Adapun dilihat dari segi tempoh memeluk agama Islam pula, kelompok yang memeluk agama Islam melebihi 11 tahun ke atas merupakan jumlah yang terbesar iaitu 69.9%, diikuti kelompok yang memeluk agama Islam 6-10 tahun sebanyak 15.8% dan kelompok yang memeluk Islam 1-5 tahun pula berjumlah 14.4%. Manakala dari segi bangsa pula, kelompok Cina merupakan kelompok yang terbesar iaitu 39.1%, diikuti dari Sarawak sebanyak 18%, bukan warga negara sebanyak 15.8%, etnik dari Sabah sebanyak 9.8%, India 4.5% dan lain-lain sebanyak 15.8%.

Berasaskan kategori usia responden pula didapati kelompok yang berumur 41-50 merupakan kelompok yang terbesar meliputi 40.6%. Apabila ditinjau dari aspek pekerjaan, maka majoriti daripada responden tidak bekerja meliputi 54.1%, hanya 2.4% sahaja responden yang bekerja dalam sektor kerajaan, 11.3% daripada mereka pula bekerja dalam sektor swasta

manakala 32.3% adalah yang bekerja sendiri. Majoriti responden mempunyai pendapatan kurang daripada 1000 sebulan iaitu sebanyak 69.9% manakala kelompok yang memperolehi pendapat RM 1001-1500 pula adalah sebanyak 21.1%. Peratus juga menunjukkan mualaf yang mempunyai pendapatan yang tinggi adalah kecil sahaja apabila masing-masing menunjukkan RM 3001-5000 hanya 1.5% dan pendapatan yang melebihi RM 5001 juga 1.5%. Manakala tinjauan dari aspek pendidikan pula mendapati majoriti responden menerima pendidikan tertinggi pada peringkat SPM iaitu sebanyak 38.3%. Sebanyak 82% daripada responden telah berkahwin, 5.3% masih bujang, 2.3% adalah duda dan 10.5% adalah janda. Kebanyakan responden memiliki anak 1-2 orang sebanyak 40.6%, 3-5 orang anak sebanyak 42.1%, 16.5% lebih daripada 5 orang anak dan hanya 10.4% yang tidak memiliki anak. Ini dijelaskan sebagaimana dalam jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Maklumat Responden

Bil.	Kategori	Perkara	Kekerapan	(%)
1	Jantina	Lelaki	49	36.8
		Perempuan	84	63.2
2	Daerah	Kuala Terengganu	56	42.1
		Kuala Nerus	18	13.5
		Marang	23	17.3
		Setiu	6	4.5
		Dungun	1	0.8
		Kemaman	15	11.3
		Besut	12	9.0
		Hulu Terengganu	2	1.5
3	Tempoh Memeluk Islam	1-5 tahun	19	14.4
		6-10 tahun	21	15.8
		11 tahun ke atas	93	69.9
4	Bangsa	Cina	52	39.1
		India	6	4.5
		Sabah	13	9.8
		Sarawak	24	18.0
		Bukan warga Malaysia	17	12.8
		Lain-lain	21	15.8
5	Umur	10-20	1	0.8
		21-30	17	12.8
		31-40	26	19.5
		41-50	54	40.6
		51 ke atas	35	26.3
6	Pekerjaan	Tidak bekerja	72	54.1
		Kakitangan kerajaan	3	2.3

10 | Hubungan Faktor Demografi dengan Persepsi dan Sikap Mualaf

		Kakitangan Swasta	15	11.3
		Bekerja sendiri	43	32.3
7	Pendapatan Bulanan	Kurang 1000	93	69.9
		1001-1500	28	21.1
		1501-2000	4	3
		2001-3000	4	3
		3001-5000	2	1.5
		5001 ke atas	2	1.5
8	Tahap Pendidikan	SRP/PMR/PT3	25	18.8
		SPM	51	38.3
		STPM/Diploma	14	10.5
		Degree	4	3.0
		MA/PhD	2	1.5
		Tidak didapati di atas	37	27.8
9	Taraf Perkahwinan	Bujang	7	5.3
		Berkahwin	109	82
		Duda	3	2.3
		Janda	14	10.5
10	Bilangan anak	1-2 orang	54	40.6
		3-5 orang	56	42.1
		Lebih daripada 5	10	8
		Tiada	13	10.4

Persepsi Mualaf Terhadap Impak Pandemik COVID-19

Responden ditanya tentang kesan pandemik COVID-19 terhadap aktiviti pergerakan mereka. Dalam perihal ini, perolehan min 4.38 ( $SP=0.81$ ) menunjukkan pandemik COVID-19 membataskan pergerakan mereka adalah sangat tinggi. Kebanyakan daripada responden merupakan kelompok yang tidak bekerja dan bekerja sendiri. Hasil dapatan menunjukkan pandemik COVID-19 menyebabkan sumber rezeki mereka semakin terbatas adalah tinggi apabila min yang diperolehi adalah 4.25 ( $SP=0.99$ ). Keadaan ini menyebabkan responden merasai kehidupan mereka bertambah sukar apabila min 4.17 ( $SP=1.03$ ) menunjukkan ia berada pada skala yang tinggi. Bahkan apabila kerajaan mengisyitiharkan PKP, majoriti responden merasa lebih tertekan apabila min yang diperolehi 3.97 ( $SP=1.14$ ). Keadaan ini menjadi lebih perit apabila responden mengakui PKP menyebabkan mereka merasa lebih tertekan apabila dirinya atau ahli keluarga yang telah diberhentikan kerja. Hasil dapatan min 3.73 ( $SP=1.25$ ) menunjukkan ia berada pada tahap yang tinggi. PKP menyebabkan pembelajaran anak-anak berlaku di rumah secara atas talian. Manakala sebahagian pekerjaan diarahkan untuk dilakukan di rumah sahaja. Berkait dengan ini, responden merasai tekanan keberadaan anak-anak dan pasangan di rumah hanya pada tahap yang sederhana sahaja. Ini dibuktikan apabila perolehan min hanya

2.88 (SP=1.33) sahaja. Perihal ini dijelaskan sebagaimana dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Persepsi Mualaf terhadap Impak COVID-19

Bil	Soalan		Min	Sisihan Piawai (SP)	Persepsi
1	Saya merasai Pandemik membataskan pergerakan saya	COVID-19	4.38	0.81	Tinggi
2	Saya merasai Pandemik membataskan perkerjaan saya	COVID-19	4.25	0.99	Tinggi
3	Saya merasai Pandemik menyebabkan kehidupan saya bertambah sukar	COVID-19	4.17	1.03	Tinggi
4	Saya merasa tertekan ketika apabila berada dalam PKP		3.97	1.14	Tinggi
5	Saya merasa tertekan apabila saya diberhentikan kerja apabila dalam PKP.		3.73	1.25	Tinggi
6	Saya rasa tertekan apabila suami saya diberhentikan kerja apabila dalam PKP.		3.53	1.40	Tinggi
7	Saya rasa tertekan apabila suami dan anak-anak saya berada di rumah masa PKP.		2.88	1.33	Sederhana

Selanjutnya ujian-t dilakukan untuk melihat min, sisihan piawai dan keputusan persepsi mualaf berdasarkan jantina terhadap impak COVID-19 terhadap kehidupan harian mereka. Min bagi mualaf lelaki ialah 3.85 (SP= 0.616) lebih tinggi daripada min mualaf perempuan 3.61 (SP=0.862) dengan perbezaan hanya 0.24 mata. Biarpun begitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min persepsi lelaki dan perempuan ( $t=1.698$ ,  $p>0.05$ ). Ini dijelaskan sebagaimana Jadual 4 di bawah:

Jadual 4: Ujian-t Persepsi Mualaf terhadap Impak COVID-19

Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai (SP)	dk	Nilai-t
Persepsi	Lelaki	48	3.85	.61624	131
	Perempuan	85	3.61	.86207	1.698

$p > 0.05$

Selanjutnya merujuk kepada Jadual 5 di bawah, keputusan analisis varian (ANOVA) bagi nilai min persepsi berdasarkan demografi menunjukkan hanya min persepsi berdasarkan faktor pendapatan yang menunjukkan perbezaan signifikan ( $F = 1.631$ ,  $p < 0.05$ ). Manakala bagi faktor demografi yang lain tidak menunjukkan perbezaan min persepsi yang signifikan iaitu berkait dengan faktor daerah ( $F = 1.002$ ,  $p > 0.05$ ), faktor

tempoh memeluk agama Islam ( $F = 0.890$ ,  $p > 0.05$ ), faktor bangsa ( $F = 1.535$ ,  $p > 0.05$ ), faktor umur ( $F = 0.728$ ,  $p > 0.05$ ), faktor jenis pekerjaan ( $F = 0.841$ ,  $p > 0.05$ ), faktor peringkat pendidikan ( $F = 0.95$ ,  $p > 0.05$ ), faktor taraf perkahwinan ( $F = 1.398$ ,  $p > 0.05$ ), faktor anak ( $F = 1.053$ ,  $p > 0.05$ ).

Jadual 5: Ujian Demografi ANOVA Persepsi Mualaf Terhadap Impak Pandemik COVID-19

<b>ANOVA</b>					
		Jumlah	dk	Min	F
		Kuasa Dua		Kuasa Dua	
Daerah	Antara	446.286	94	4.748	1.002
	Kumpulan	180.000	38	4.737	
	Jumlah	626.286	132		
Tempoh memeluk Islam	Antara	56.169	94	.598	.890
	Kumpulan	25.500	38	.671	
	Jumlah	81.669	132		
Bangsa	Antara	391.090	94	4.161	1.535
	Kumpulan	103.000	38	2.711	
	Jumlah	494.090	132		
Umur	Antara	84.939	94	.904	.728
	Kumpulan	47.167	38	1.241	
	Jumlah	132.105	132		
Pekerjaan	Antara	170.677	94	1.816	.841
	Kumpulan	82.000	38	2.158	
	Jumlah	252.677	132		
Pendapatan	Antara	103.581	94	1.102	1.631*
	Kumpulan	25.667	38	.675	
	Jumlah	129.248	132		
Pendidikan	Antara	346.231	94	3.683	.950
	Kumpulan	147.333	38	3.877	
	Jumlah	493.564	132		
Taraf Perkahwinan	Antara	47.836	94	.509	1.398
	Kumpulan	13.833	38	.364	
	Jumlah	61.669	132		
Bikangan anak	Antara	59.917	94	.637	1.053
	Kumpulan	23.000	38	.605	
	Jumlah	82.917	132		

\* $p < 0.05$

### Sikap Mualaf Mengharungi Cabaran Pandemik COVID-19

Responden meluahkan pandangan bahawa pendapatan semasa mereka berada pada tahap yang baik pada skala yang rendah apabila mata min menunjukkan 2.44 (SP=1.10). Bagi soalan seterusnya, skala yang sederhana ditunjukkan terhadap soalan ‘melakukan kerja tambahan ketika COVID-19

berada pada tahap yang sederhana apabila skor min menunjukkan 3.28 (SP=1.07) sahaja. Kebanyakan responden bersetuju dengan menyatakan bahawa mereka memohon bantuan tambahan bagi menampung keperluan hidup mereka ketika negara dilanda wabak Covid 19. Sebahagian daripada responden meluahkan pandangan perlunya kaunseling atau motivasi diri ketika negara dilanda wabak COVID-19. Ini dibuktikan apabila perolehan min 2.53 (SP=1.06) menunjukkan ia berada pada tahap yang sederhana. Begitu juga dengan soalan berikutnya, responden mengakui bahawa mereka menerima kaunseling atau motivasi diri dari pihak badan Agama dan NGO berada pada tahap yang sederhana apabila min yang diperolehi 2.54 dengan sisihan piawai (1.10). Namun responden lebih selesa untuk menyelesaikan masalah mereka melalui pandangan rakan-rakan terdekat apabila min yang diperolehi 2.83 (SP=1.15). Ini dijelaskan sebagaimana dalam Jadual 6 di bawah:

Jadual 6: Sikap Mualaf dalam Menangani COVID-19

Bil	Soalan	Min	Sisihan Piawai (SP)	Sikap
1	Saya masih memperolehi pendapatan yang baik ketika negara berada dalam Pandemik COVID-19	2.44	1.10	Rendah
2	Saya melakukan kerja-kerja yang lain bagi menampung keperluan hidup semasa Pandemik COVID-19	3.28	1.22	Sederhana
3	Saya memohon bantuan tambahan ketika negara berada dalam Pandemik COVID-19	3.99	1.07	Tinggi
4	Saya atau pasangan saya memerlukan kaunseling dan motivasi dari agensi Jabatan Agama/NGO sejak PKP kerana tekanan dalam hubungan kami.	2.53	1.06	Sederhana
5	Saya menerima bantuan kaunseling dan motivasi dari agensi Jabatan Agama/NGO	2.54	1.10	Sederhana
6	Saya menerima bantuan kaunseling dan motivasi dari rakan terdekat	2.83	1.15	Sederhana

Selanjutnya ujian-t dilakukan untuk melihat min, sisihan piawai dan keputusan sikap mualaf berdasarkan jantina terhadap impak COVID-19 terhadap kehidupan harian mereka. Min bagi mualaf lelaki ialah 3.04 (SP=0.608) lebih tinggi daripada min mualaf perempuan 2.87 (SP=0.780) dengan perbezaan hanya 0.17 mata. Biarpun begitu analisis menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara min sikap lelaki dan perempuan ( $t=1.255$ ,  $p>0.05$ ). Ini dijelaskan sebagaimana Jadual 8 di bawah:

**Jadual 7: Ujian-t Terhadap Sikap Mualaf Terhadap Pandemik COVID-19 Berdasarkan Jantina**

	Jantina	Bil	Min	Sisihan Piawai (SP)	dk	Nilai-t
Persepsi	Lelaki	48	3.04	.60752	131	1.255
	Perempuan	85	2.87	.77958		

p > 0.05

Seterusnya merujuk kepada Jadual 8 di bawah, keputusan analisis varian (ANOVA) bagi menguji nilai min sikap mualaf berdasarkan demografi terdapat tiga faktor yang menunjukkan kepuutusan perbezaan nilai min yang signifikan. Manakala, faktor yang lain iaitu bagi faktor daerah ( $F = 1.045$ ,  $p > 0.05$ ), faktor bangsa ( $F = 1.351$ ,  $p > 0.05$ ), faktor jenis pekerjaan ( $F=0.884$ ,  $p > 0.05$ ), faktor pendapatan ( $F = 0.471$ ,  $p > 0.05$ ), tahap pendidikan ( $F = 0.850$ ,  $p > 0.05$ ), dan faktor bilangan anak ( $F = 1.095$ ,  $p > 0.05$ ) menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan.

Faktor yang menunjukkan perbezaan nilai min sikap yang signifikan iaitu faktor tempoh memeluk Islam ( $F = 2.139$ ,  $p < 0.05$ ). Maka dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan tempoh memeluk agama Islam mualaf sama ada 1 hingga 5 tahun, 6 hingga 10 tahun atau 11 tahun dalam mempengaruhi sikap mualaf ketika mereka berhadapan impak pandemik COVID-19.

Begini juga dengan faktor peringkat umur ( $F = 1.813$ ,  $p < 0.5$ ) menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan. Ini menjelaskan faktor perbezaan umur menjadi faktor signifikan yang mempengaruhi sikap mualaf ketika berhadapan impak pandemik COVID-19 dalam menjalani liku-liku kehidupan.

Akhir sekali, faktor taraf perkahwinan yang menunjukkan keputusan yang signifikan ( $F = 2.381$ ,  $p < 0.05$ ). Ini juga menjelaskan bahawa taraf perkahwinan juga mempengaruhi sikap mualaf ketika berhadapan impak pandemik COVID-19. Perincian hasil dapatan ini dapat diperhatikan melalui jadual di bawah:

**Jadual 8: Ujian Demografi ANOVA Sehala Terhadap Sikap Mualaf Terhadap Impak Pandemik COVID-19**

<b>ANOVA</b>					
		Jumlah Kuasa Dua	dk	Min Kuasa Dua	F
Daerah	Antara	103.413	21	4.924	1.045
	Kumpulan	522.872	111	4.711	
	Jumlah	626.286	132		

Tempoh Islam	Antara	23.531	21	1.121	2.139*
	Kumpulan	58.138	111	.524	
	Jumlah	81.669	132		
Bangsa	Antara	100.591	21	4.790	1.351
	Kumpulan	393.500	111	3.545	
	Jumlah	494.090	132		
Umur	Antara	33.735	21	.1.606	1.813*
	Kumpulan	98.370	111	.886	
	Jumlah	132.105	132		
Pekerjaan	Antara	36.198	21	1.724	.884
	Kumpulan	216.479	111	1.950	
	Jumlah	252.677	132		
Pendapatan	Antara	10.571	21	.503	.471
	Kumpulan	118.677	111	1.069	
	Jumlah	129.248	132		
Pendidikan	Antara	68.381	21	3.256	.850
	Kumpulan	425.183	111	3.830	
	Jumlah	493.564	132		
Taraf Perkahwinan	Antara	19.153	21	.912	2.381*
	Kumpulan	42.517	111	.383	
	Jumlah	61.669	132		
Bilangan anak	Antara	14.230	21	.678	1.095
	Kumpulan	68.688	111	.619	
	Jumlah	82.917	132		

\* $p < 0.05$

Rumusan daripada dapatan di atas, dengan mengambil kira kebanyakan mualaf di negeri Terengganu boleh dikategorikan dalam kelompok B40, didapati tahap keperluan mereka terhadap bantuan semasa COVID-19 ini adalah tinggi bagi meneruskan kelangsungan hidup. Berdasarkan hasil kajian, didapati walaupun responden telah lama memeluk agama Islam, namun mereka masih memerlukan bantuan zakat bagi memenuhi asas-asas keperluan dalam kehidupannya. Ini kerana secara asasnya kebanyakan responden adalah tergolong dalam kelompok B40 iaitu mempunyai pendapatan tidak menentu dan tidak bekerja. Bagi negeri Terengganu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu yang bersidang pada 13 Mac 2013 telah memutuskan had tempoh mualaf bergantung kepada urf yang dicadangkan iaitu selama tiga tahun sahaja. Sekiranya mereka masih miskin atau tidak berkemampuan, maka zakat akan diberikan mengikut asnaf fakir dan miskin (Azman et al, 2015). Selain menerima bantuan daripada saudara Muslim sekitar dan badan NGO Saudara Baru, bagi mualaf yang melalui hubungan neutral dengan keluarga asal, perbezaan agama bukan menjadi halangan mereka mendapat bantuan dari keluarga bukan Muslim dengan faktor berkongsi atas perasaan yang satu dan sepunya bagi meneruskan kelangsungan hidup (Azarudin & Khadijah 2015)

Tuntasnya, permasalahan yang dihadapi oleh mualaf amat menuntut kepada jaminan dan sokongan dari aspek fizikal dan spiritual kerana pertukaran agamanya melibatkan pelbagai proses transformasi yang melibatkan pelbagai aspek kehidupan. Mualaf memerlukan kekuatan mental dan jalinan hubungan sosial yang baik sama ada dengan komuniti Muslim dan ahli keluarga bukan Muslim. (Khadijah et al, 2017). Hasil kajian di atas memperlihatkan bahawa situasi pandemik COVID-19 menyebabkan mualaf berada dalam tekanan yang cukup tinggi akibat terbatasnya pergerakan dan pekerjaan, kurangnya sumber pendapatan, bahkan terdapat dalam kalangan mereka atau ahli keluarga yang telah kehilangan kerja. Justeru, Suraya et al. (2021) dalam kajian yang lepas menyatakan bahawa bantuan kepada mualaf ketika COVID-19 berlaku merupakan satu usaha yang mendesak. Kajiannya mendapati usaha yang dilakukan oleh Hidayah Centre Foundation (HCF) di Sabah yang bertindak melalui program “Sampaikan Islam, Santuni Saudara baru” telah memberi kesan positif kepada individu dan keluarga mualaf yang berhadapan dengan pelbagai kesukaran hidup kesan pandemik COVID-19.

Hasil kajian juga menunjukkan bahawa wabak pandemik COVID-19 yang telah sekian lama melanda dengan keterbatasan pergerakan menyebabkan majoriti mualaf terpaksa mencari alternatif lain bagi menampung perbelanjaan mereka. Maka tidak hairan lah dalam kalangan mereka yang telah berusaha ke arah membangunkan motivasi diri agar diberikan kekuatan dengan mendapatkan bantuan daripada rakan-rakan terdekat atau mengadakan pertemuan secara langsung ke pejabat Agama. Berkait dengan ini Mohd Syafiq (2017) menyatakan bahawa proses membina jati diri, motivasi diri, rawatan dan pemulihan emosi mualaf banyak dilakukan agensi dakwah negeri dan NGO pada peringkat sebelum, semasa dan setelah pemelukan agama Islam. Pihak Majlis Agama juga memperkenalkan program mentor-mentee yang dilihat mampu memberi impak yang lebih positif bagi menangani pelbagai masalah mualaf semasa dalam tempoh memeluk agama Islam. Mualaf yang senior matang dalam agama Islam dilantik sebagai mentor kepada mualaf yang baru memeluk Islam (mentee). Mualaf akan terus berada dalam dilema atau konflik sekiranya gagal merujuk masalah ini dan gagal bertanya kepada individu yang berkaitan. Tinjauan juga mendapati dalam kalangan mualaf yang telah memperoleh bimbingan daripada rakan-rakan terdekat yang merupakan Muslim asal, mualaf yang lebih senior dan mualaf dari bangsa yang sama. Kewujudan kumpulan mualaf senior sedikit sebanyak dapat membantu dilema yang dihadapi oleh kumpulan ini. Berkait dengan ini, Samsiah Jayos dan Kamarul Azmi Jasmi (2013) menyatakan mualaf dianggap “*specialized client group*”. Kemahiran bimbingan dan kaunseling yang khusus diperlukan kerana kebanyakan daripada mereka bakal berdepan konflik dalaman diri selain konflik luaran yang membabitkan keluarga, rakan dan

lain-lain apatah lagi apabila negara berhadapan dengan pandemik COVID-19.

#### PENUTUP

Norma kehidupan baru kerana pandemik COVID-19 mengundang cabaran yang besar kepada manusia khususnya terhadap golongan yang berpendapatan rendah. Impak pandemik COVID-19 turut memberi kesan kepada kehidupan mualaf di Terengganu memandangkan kebanyakannya daripada mereka tergolong dalam kelompok B40. Mualaf di Terengganu meluahkan pandangan bahawa pandemik COVID-19 memberikan tekanan kepada kehidupan semasa mereka. Justeru, mualaf di negeri tersebut merasakan bahawa mereka amat memerlukan bantuan tambahan khususnya ketika wabak COVID-19 melanda memandangkan ada dalam kalangan mereka yang kehilangan sumber pendapatan dan dalam masa yang sama pergerakan mereka untuk melakukan kerja-kerja tambahan atau apa jua aktiviti amat terbatas sama sekali. Dalam hal ini tidak dinafikan juga dalam kalangan mualaf yang sentiasa berhadapan dengan tekanan ketika melalui tempoh pandemik COVID-19. Sebahagian mereka mendapatkan motivasi dan khidmat kaunseling daripada rakan-rakan terdekat atau mengadakan pertemuan dengan pihak yang berkaitan di MAIDAM bagi membangunkan semula jati diri mereka. Mualaf merupakan kelompok yang baru dijinakkan dengan agama Islam dan mereka melalui beberapa fasa tekanan emosi dalam memahami dan menghayati agama tersebut. Kajian ini penting dan bermakna kerana ia menjadi indikator keadaan sebenarnya mualaf yang sedang atau telah berhadapan ‘tekanan’ melalui tekanan yang baharu. Hasil kajian tersebut telah melontarkan suatu informasi yang jitu kepada pihak-pihak yang terlibat untuk membantu sedikit sebanyak kelompok mualaf dalam mengharungi kesejahteraan hidup sebagaimana jua yang dinikmati oleh orang lain.

#### KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisyiharkan tiada konflik kepentingan.

#### PENGHARGAAN

Tiada

#### RUJUKAN

- Abdul Majid Konting. 2009. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rashid Abdul Aziz, Amin Al Haadi Shafie, Zuraina Ali, & Noor Dahiah Sulhana Dzainal. 2020. Pengamalan nilai agama dalam mengatasi kemurungan semasa pandemik COVID-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 5 (12): 31-44.
- Ahmad Sunawari Long. 2009. *Pengenalan Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Aimi Wafa Ahmad & Nur Najwa Hanani Andul Rahman. 2020. Sokongan sosial: Satu keperluan dalam pemerkasaan saudara baru. *Jurnal Pengajian Islam* 13 (2): 238-253.
- Azarudin Bin Awang & Khadijah Mohd Khambali @ Hambali. 2014. Bentuk-bentuk hubungan muslim-non muslim selepas pemelukan agama: Kajian kes dalam kalangan mualaf Cina Terengganu. *Jurnal Kemanusian* 12 (2): 1-13.
- Azman Ab Rahman, Nur Ain Syafiqah Rahma, Muhd Faiz Abd. Shakor, Nurul Shazwani Nordin, & Mohamad Anwar Zakaria. 2020. Sorotan literatur kajian Modul Pengajian Mualaf di Malaysia. *Diskusi Syariah dan Undang-undang* 1 (1): 46-53
- Azman, A.R, Irwan, M.S, Mahazan, A.M, Wan Mohd. Fazrul Azdi, W.R, Nuradli Ridzwan Shah, M.D, Rose Irnawaty, Ibrahim, Norlina Ismail. 2015. Indeks pengukuran penentuan had tempoh mualaf di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research* 6(1): 39-63.
- Fransiskus Arsenius Agung & Yusuf Hariyoko. 2022. Menyempurnakan Data Demografi di RT 002 Kelurahan Lawir. Prosiding Patriot Mengabdi 1(1): 1-6.
- Hamidon, N. 2021. Kajian kes: cabaran dan solusi pembelajaran dalam talian semasa pandemik COVID-19 bagi pelajar menengah rendah. International Conference of Research On Language Education (I-RoLE) 2021.
- Khadijah Mohd Khambali@Hambali, Azarudin Awang, Suraya Sintang, Nur Farhana Abdul Rahman, Wan Adli Wan Ramli, & Khairul Nizam Mat Karim. 2017. Muhamir penjana interaksi dan toleransi beragama saudara baru-muslim-non-muslim. *Akademika* 87(2): 63–76.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30: 607-610
- Maimun Aqsha Lubis, Mohd Sham bin Kamis, Sohaina binti Mohd Salleh, Zunidar, Usiona, Eka Yusnaldi, Siti Hajar binti Taib, & Ikwan Lubis SE. 2021. Isu terkini pendidikan islam di era pandemik COVID-19 di Malaysia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 4 (1): 75-91.
- Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Rohaya Md Ali, Muhammad Wafi Ramli. 2021. Impak perintah kawalan pergerakan terhadap golongan

- miskin: Satu analisis cerpen “Kuncitara”. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6 (2): 1-8.
- Mohd Asyraf Mohd Farique & Mohd Aiman Mohd Fauzi. 2021. Implikasi pandemik COVID-19 terhadap ekonomi global dan ekonomi Malaysia. *International Journal of Interdisciplinary & Strategic Studies* 2 (1): 121-129.
- Mohd Isa Mohd Deni & Sri Rahayu Sarifin. 2021. Peranan dan cabaran agensi agama islam ketika era pandemik COVID-19. International Conference on Syariah & Law 2021 (ICONSYAL 2021) - Online Conference: 370-378.
- Mohd Saipuddin Suliman, Yamamoto Hiroyuki, Nordiana Ab. Jabar, Lim Ying Xuan & Mimi Suriani Mat Daud. 2021. Impak pandemik COVID-19 terhadap bidang bahasa, sastera dan budaya di Malaysia. *Journal of Malay Language, Education and Literature (PENDETA)* 12 (Edisi Khas): 10-20.
- Mohd Syafiq Suresh. 2017. Isu-isu yang berkaitan saudara baru. Majlis Agama Islam & Adat Melayu, (MAIDAM) Kuala Terengganu.
- Mokhtar Ismail. 2011. *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Mukniah. 2020. Polemik pandemik COVID-19 dan implikasinya terhadap kesehatan jiwa. *Indonesian Journal of Islamic Psychology* 2 (1): 50-61.
- Norwardatun Mohamed Razali & Siti Mardhiyah Kamal Azhari. 2020. Implikasi COVID-19 Dari Sudut Emosi Dan Solusi Menurut Perspektif Al-Quran. International Seminar on Islam and Science: 632-642.
- Rahisam Ramli. 2013. Mekanisme Agihan Zakat Muallaf Berdasarkan Realiti Semasa. Proceedings of World Universities' Islamic Philanthropy Conference 2013: 1-7.
- Samsiah Jayos & Kamarul Azmi Jasmi. 2013. Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Dalam Kalangan Klien Mualaf. Dalam, Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13] di Universiti Teknologi Malaysia pada 17-18 September: 357-370.
- Siti Adibah Abu Bakar & Siti Zubaidah Ismail. 2018. Pengurusan mualaf di Malaysia: Kerjasama dinamik antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan. *Jurnal Usuluddin* 48 (2): 97-122.
- Suraya Sintang, Khadijah Mohd. Khambali @ Hambali, Keighley Lloyd Al-Ganiyy K. Diaz, Habibah Artini Ramli, & Saiful Azry Mokhtar. 2021. Penglibatan dan sumbangan bantuan COVID-19 Hidayah Centre Foundation (HCF) kepada saudara baru. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari* 22(1): 15-26
- Worldometer. 2021. Corona Virus World Population. Dicapai pada 3 Ogos 2021. <https://www.worldometers.info/coronavirus/#countries>

- Yasmoon Mohamed, Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2019. Tahap kepuasan muallaf terhadap pengurusan kelas bimbingan agama Islam Kelantan (MAIK). *Jurnal Al-Hikmah* 11 (2): 88-98.
- Zainora Daud, Noorhafizah Mohd Haridi, Norazman Alias & Anuar Hasin. 2021. Kajian perbandingan kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi terhadap simptom stres yang dialami ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian era COVID-19. *Journal Al-Irsyad* 6 (1): 615-627.

**Senarai Pengarang:**

Dr. Azarudin Bin Awang (Penulis Penghubung)  
Pensyarah Kanan  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)  
Universiti Teknologi Mara  
23000 Kuala Dungun,  
Terengganu.  
E-mel: [azaru154@tganu.uitm.edu.my](mailto:azaru154@tganu.uitm.edu.my)

Norhana Abdullah @ Ng Siew Boey  
Pengerusi  
Persatuan Cina Muslim (MACMA) Cawangan Terengganu  
20400 Kuala Terengganu,  
Negeri Terengganu.

Che Norzila Binti Sulong  
Pensyarah  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)  
Universiti Teknologi MARA  
23000 Kuala Dungun,  
Terengganu.